

PHILIPS

Siri 6000

TAPB603

Manual pengguna



Daftarkan produk anda dan dapatkan sokongan di
www.philips.com/welcome

Kandungan

1	Penting	3	5	Lekapan dinding	15
	Bantuan dan sokongan	3			
	Keselamatan	3			
	Penjagaan produk anda	4	6	Spesifikasi produk	16
	Penjagaan alam sekitar	4			
	Peringatan FCC dan kenyataan IC untuk		7	Penyelesaian Masalah	17
	Pengguna (hanya di AS dan Kanada)	5			
	Pematuhan	5			
2	Bar Bunyi Anda	6			
	Unit Utama	6			
	Subwufer wayarles	6			
	Alat kawalan jauh	6			
	Penyambung	7			
	Menyediakan Alat Kawalan Jauh	8			
	Peletakan	8			
3	Penyambungan	9			
	Dolby Atmos®	9			
	Sambung ke Soket HDMI (ARC)	9			
	Sambung ke Soket Optik	10			
	Sambung ke Soket AUX	10			
	Sambung ke Kuasa	10			
	Gandingan dengan subwufer	11			
4	Menggunakan Bar Bunyi anda	12			
	HIDUPKAN dan MATIKAN	12			
	Tunggu Sedia Auto	12			
	Memilih Mod	12			
	Melaraskan Kelantangan	12			
	Memilih Kesan Penyama (EQ)	12			
	Laraskan Aras Bes/Trebel	12			
	Mod bunyi Dolby	13			
	Tetapkan kecerahan paparan	13			
	Pengendalian Bluetooth	13			
	Pengendalian AUX / OPTICAL /				
	HDMI ARC	14			
	Pengendalian USB	15			

I Penting

Baca dan faham semua arahan sebelum anda menggunakan produk anda. Jika kerosakan berlaku disebabkan oleh kegagalan mematuhi arahan, waranti tidak akan terpakai.

Bantuan dan sokongan

Untuk sokongan dalam talian yang menyeluruh, layari www.philips.com/welcome to:

- muat turun manual pengguna dan panduan permulaan pantas
- tonton video tutorial (hanya untuk model-model terpilih)
- dapatkan jawapan untuk soalan yang lazim ditanya (FAQ)
- e-melkan soalan kepada kami
- sembang dengan wakil perkhidmatan sokongan kami.

Ikut arahan pada laman web untuk memilih bahasa anda, kemudian masukkan nombor model produk anda

Anda juga boleh menghubungi Perkhidmatan Pengguna di negara anda. Sebelum menghubungi, catatkan nombor model dan nombor siri produk anda. Anda boleh dapatkan maklumat ini di bahagian belakang atau bawah produk anda.

Keselamatan

Risiko kejutan elektrik atau kebakaran!

- Sebelum anda melakukan atau mengubah sebarang sambungan, pastikan semua sambungan peranti telah diputuskan daripada alur keluar kuasa.
- Jangan sesekali mendedahkan produk dan aksesori kepada hujan atau air. Jangan sesekali meletakkan bekas berisi cecair, seperti pasu, berhampiran dengan produk. Jika cecair tertumpah ke atas atau ke dalam produk, pisahkan produk daripada alur keluar kuasa dengan segera. Hubungi Perkhidmatan Pengguna untuk memohon pemeriksaan ke atas produk sebelum digunakan.

- Jangan sesekali meletakkan produk dan aksesori berhampiran dengan nyalaan terdedah atau sumber haba yang lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Jangan sesekali memasukkan objek ke dalam slot pengalihudaraan atau bukaan yang lain pada produk.
- Apabila palam sesalur kuasa atau pengganding perkakas digunakan sebagai peranti pemutus sambungan, peranti pemutus sambungan tersebut hendaklah sentiasa tersedia untuk dikendalikan.
- Bateri (pek bateri atau bateri yang dipasang) tidak boleh didedahkan kepada haba melampau seperti cahaya matahari, api atau yang seumpamanya.
- Putuskan sambungan produk daripada alur keluar kuasa sebelum berlaku ribut petir.
- Apabila anda memutuskan sambungan kord kuasa, sentiasa tarik palam dari soket. Jangan sesekali menarik kord.

Risiko litar pintas atau kebakaran!

- Untuk pengenalpastian dan penarafan bekalan, lihat plat bercetak di bahagian belakang atau bawah produk.
- Sebelum menyambungkan produk ke alur keluar kuasa, pastikan bahawa voltan kuasa adalah sepadan dengan nilai voltan yang dicetak di bahagian belakang atau bawah produk. Jangan sesekali menyambungkan produk ke alur keluar kuasa jika voltan adalah berbeza.

Risiko kecederaan atau kerosakan produk ini!

- Untuk lekapan pada dinding, produk ini mesti dilekatkan dengan betul dan selamat pada dinding mengikut arahan pemasangan. Hanya gunakan pendakap lekapan dinding yang dibekalkan (jika ada). Lekapan dinding yang tidak betul boleh mengakibatkan kemalangan, kecederaan atau kerosakan. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Perkhidmatan Pengguna di negara anda.
- Jangan sesekali meletakkan produk atau sebarang objek di atas kord kuasa atau di atas peralatan elektrik yang lain.
- Jika produk dihantar dalam suhu di bawah 5°C, keluarkan produk dan tunggu sehingga suhu produk sepadan dengan suhu bilik sebelum menyambungkan ia ke alur keluar kuasa.

- Bahagian-bahagian produk ini mungkin diperbuat daripada kaca. Kendalikan dengan berhati-hati untuk mengelakkan kecederaan dan kerosakan.

Risiko pemanasan melampau!

- Jangan sesekali memasang produk ini di dalam ruang yang terbatas. Sentiasa beri ruang sekurang-kurangnya empat inci di sekeliling produk untuk pengalihudaraan. Pastikan langsir atau objek yang lain tidak menutup slot pengalihudaraan pada produk.

Risiko pencemaran!

- Jangan mencampurkan bateri (lama dengan yang baharu atau karbon dengan alkali, dsb.).
- AWAS: Bahaya berlakunya letupan jika bateri tidak diganti dengan betul. Gantikan hanya dengan jenis bateri yang sama atau setara.
- Keluarkan bateri jika sudah kehabisan atau jika alat kawalan jauh tidak digunakan untuk tempoh masa yang lama.
- Bateri mengandungi bahan kimia, ia mesti dilupuskan dengan betul

Risiko tertelan bateri!

- Produk/alat kawalan jauh mungkin mengandungi bateri jenis syiling/butang yang boleh ditelan. Jauhkan bateri daripada jangkauan kanak-kanak pada setiap masa! Jika tertelan, bateri tersebut boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian. Kecederaan dalam teruk boleh berlaku dalam tempoh dua jam selepas tertelan.
- Jika anda syak bahawa bateri telah ditelan atau dimasukkan ke mana-mana bahagian badan, dapatkan rawatan dengan segera.
- Apabila anda menukar bateri, sentiasa simpan semua bateri lama dan bateri baharu daripada jangkauan kanak-kanak. Pastikan bahawa ruang bateri ditutup dengan rapat selepas anda menukarkan bateri.
- Jika ruang bateri tidak dapat ditutup dengan rapat, hentikan penggunaan produk tersebut. Jauhkan daripada jangkauan kanak-kanak dan hubungi pengeluar



Ini merupakan radas KELAS II dengan penempatan berganda, dan tiada perlindungan pembumian dibekalkan.

Penjagaan produk anda

Hanya gunakan kain mikrofiber untuk membersihkan produk.

Penjagaan alam sekitar

Melupuskan produk lama dan bateri anda



Produk ini direka bentuk dan dikilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen yang berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula serta digunakan semula.



Simbol ini yang terdapat di atas produk bermaksud bahawa produk tersebut dilindungi oleh Arahan Eropah 2012/19/EU.



Simbol ini bermaksud bahawa produk tersebut mengandungi bateri yang dilindungi oleh Arahan Eropah 2013/56/EU yang tidak boleh dilupuskan bersama-sama dengan sisa buangan isi rumah yang biasa. Maklumkan diri anda tentang sistem pengumpulan berasingan tempatan untuk barangan elektrik dan elektronik serta bateri. Patuhi peraturan tempatan dan jangan sesekali melupuskan produk serta bateri bersama-sama dengan sisa buangan isi rumah yang biasa. Cara pelupusan yang betul produk lama dan bateri membantu dalam mencegah akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Menyingkirkan dan melupuskan bateri

Untuk menyingkirkan dan melupuskan bateri, lihat pada bahagian pemasangan bateri.

Peringatan FCC dan kenyataan IC untuk Pengguna (hanya di AS dan Kanada)



MAKLUMAT FCC

Amaran:

- Peralatan ini hendaklah dipasang dan dikendalikan dengan jarak minimum 20 cm di antara radiator & badan anda
- Perubahan atau pengubahsuaian ke atas unit ini yang tidak diluluskan secara jelas oleh pihak yang bertanggungjawab untuk pematuhan boleh membatalkan kuasa pengguna untuk mengendalikan peralatan.

NOTA: Peralatan ini telah diuji dan didapati mematuhi had peranti digital Kelas B, menurut Bahagian 15 Peraturan FCC. Had ini direka bentuk untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya terhadap interferens berbahaya bagi pemasangan di rumah. Peralatan ini menghasilkan dan menggunakan dan boleh memancarkan tenaga frekuensi radio dan, jika tidak dipasang dan digunakan mengikut arahan, boleh mengakibatkan interferens berbahaya terhadap komunikasi radio. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa interferens tidak akan berlaku dalam pemasangan tertentu. Jika peralatan ini menyebabkan interferens berbahaya terhadap penerimaan radio atau televisyen, yang boleh ditentukan dengan mematikan dan menghidupkan peralatan, pengguna digalakkan untuk membetulkan interferens tersebut mengikut salah satu atau lebih langkah berikut:

- Mengorientasikan dan menetapkan semula kedudukan antena penerimaan.
- Meningkatkan jarak di antara peralatan dengan penerima.
- Menyambungkan peralatan ke alur keluar pada litar yang berlainan daripada alur keluar yang disambungkan dengan penerima.
- Merujuk dengan wakil jualan atau juruteknik radio/ TV yang berpengalaman untuk mendapatkan bantuan.

Peranti ini mengandungi pemancar/ penerima dikecualikan lesen yang mematuhi Pembangunan Inovasi, Sains dan Ekonomi RSS Kanada yang dikecualikan lesen. Pengendalian adalah tertakluk pada dua syarat berikut:

1. Peranti ini mungkin tidak menyebabkan interferens.
2. Peranti ini mesti menerima sebarang interferens, termasuk interferens yang mungkin menyebabkan pengendalian peranti yang tidak diinginkan.

Pematuhan

Produk ini mematuhi keperluan interferens radio bagi Komuniti Eropah.

Dengan ini, MMD Hong Kong Holding Limited mengisytiharkan bahawa produk ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan berkaitan yang lain Arahan 2014/53/EU.



Anda boleh dapatkan Pengisytiharan Kesesuaian di www.p4c.philips.com.

2 Bar Bunyi Anda

Tahniah atas pembelian anda, dan selamat datang ke Philips! Untuk menerima manfaat sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftarkan Bar Bunyi anda di www.philips.com/welcome.

Unit Utama

Bahagian ini merangkumi gambaran keseluruhan unit utama.




- ① **(Tunggu Sedia-hidup)**
Menghidupkan Bar Bunyi atau kepada tunggu sedia.
- ② **(Sumber)**
Pilih satu sumber input Bar Bunyi.
- ③ **- (Kelantangan)**
 - Kurangkan kelantangan.
- ④ **+ (Kelantangan)**
Tingkatkan kelantangan.

- ⑤ **Sensor Alat Kawalan Jauh**
- ⑥ **Panel paparan**

Subwufer wayarles

Bahagian ini merangkumi gambaran keseluruhan subwufer Wayarles:




- ① **Soket~ AC**
Sambung ke bekalan kuasa.
- ② **Butang PAIR**
Tekan untuk ke mod penggandingan bagi subwufer.
- ③ **Penunjuk subwufer**
 - Apabila kuasa dihidupkan, lampu penunjuk menyala.
 - Semasa penggandingan wayarles di antara subwufer dengan unit utama, penunjuk berwarna oren berkelip-kelip dengan cepat
 - Apabila penggandingan berjaya, lampu penunjuk berwarna oren menyala.
 - Apabila penggandingan gagal, penunjuk berwarna oren berkelip-kelip dengan perlahan.

Alat kawalan jauh

Bahagian ini merangkumi gambaran keseluruhan alat kawalan jauh.

- ① **(Tunggu Sedia-hidup)**
Menghidupkan Bar Bunyi atau menukarkan kepada tunggu sedia.
- ② **Source**
Pilih satu sumber input Bar Bunyi.




- ③ **⏮ / ⏭ (Sebelum/Seterusnya)**
Langkau ke trek sebelum atau trek seterusnya dalam mod USB/BT.
- ④ **⏮ (Mainkan/Hentikan Sementara)**
Mula, henti sementara atau sambung kembali memainkan dalam mod USB/BT.
Tekan dan tahan untuk mengaktifkan fungsi penggandingan dalam mod Bluetooth atau memutuskan sambungan gandingan peranti Bluetooth yang sedia ada.
- ⑤ **+/- (Volume)**
Tingkatkan atau kurangkan kelantangan bunyi.
- ⑥ **Mute**
Redam atau nyahredam.
- ⑦ **Dimmer**
Tetapkan kecerahan panel paparan Bar Bunyi.
- ⑧ **⏮ (Dolby)**
MENGHIDUPKAN/MENUTUP Dolby.

- ⑨ **EQ**
Memilih kesan Penyama (EQ).
- ⑩ **Bass**
Mengaktifkan penyediaan bes.
- ⑪ **Treble**
Mengaktifkan penyediaan trebel.

Penyambung

Bahagian ini merangkumi gambaran keseluruhan penyambung yang terdapat pada Bar Bunyi anda.




- ① **AC~**
Sambung ke bekalan kuasa.
- ② **OPTICAL**
Sambung ke output audio optik pada TV atau peranti digital.
- ③ **• USB**
 - Input audio daripada peranti storan USB.
 - Naik taraf perisian produk ini.
- ④ **AUX**
Input audio daripada, contohnya pemain MP3 (3,5 mm jack).
- ⑤ **HDMI OUT (ARC)**
Sambung ke input HDMI pada TV.
- ⑥ **HDMI 1/ HDMI 2**
Sambung ke input HDMI pada TV.
- ⑦ **Slot pendakap dinding**

Menyediakan Alat Kawalan Jauh

- Alat kawalan jauh yang disediakan, membenarkan unit dikendalikan daripada jauh.
- Walaupun Alat Kawalan Jauh tersebut dikendalikan dalam lingkungan 19,7 kaki (6 m), pengendalian adalah sukar jika terdapat halangan di antara unit dengan alat kawalan jauh.
- Jika Alat Kawalan Jauh dikendalikan berhampiran dengan produk yang menghasilkan sinar inframerah, atau jika alat kawalan jauh lain yang menggunakan sinar inframerah dikendalikan berhampiran dengan unit tersebut, ia mungkin tidak akan berfungsi dengan baik. Sebaliknya, produk yang lain tersebut mungkin tidak akan berfungsi dengan baik.



Penggunaan kali pertama:

Unit ini mempunyai bateri CR2025 litium yang telah sedia terpasang. Cabut tab pelindung untuk mengaktifkan bateri alat kawalan jauh.



Menggantikan Bateri Alat Kawalan Jauh

- Alat kawalan jauh memerlukan sebiji bateri Litium CR2025, 3 V.
- 1 Tolak tab pada bahagian tepi petak bateri ke arah petak tersebut.
 - 2 Kemudian keluarkan petak bateri daripada alat kawalan jauh.
 - 3 Alihkan bateri lama. Letakkan bateri CR2025 yang baharu ke dalam petak bateri dengan kutub (+/-) yang betul seperti yang ditunjukkan.
 - 4 Masukkan semula petak bateri ke dalam slot pada alat kawalan jauh tersebut.




Langkah Berjaga-jaga Tentang Bateri

- Apabila Alat Kawalan Jauh tidak digunakan untuk tempoh masa yang lama (melebihi sebulan), keluarkan bateri daripada Alat Kawalan Jauh untuk mencegah kebocoran bateri.
- Jika bateri bocor, lap kebocoran di dalam ruang bateri dan gantikan dengan bateri yang baharu.
- Jangan gunakan sebarang bateri selain daripada yang dinyatakan.
- Jangan memanaskan atau membongkar struktur bateri.
- Jangan sesekali mencampakkan bateri ke dalam api atau air.
- Jangan membawa atau menyimpan bateri bersama-sama dengan objek berlogam yang lain. Ini boleh mengakibatkan berlaku litar pintas, kebocoran atau letupan bateri.
- Jangan sesekali mengelas semula bateri melainkan sudah dipastikan bahawa bateri itu adalah jenis yang boleh dicas semula.

Peletakan

Letakkan subwufer sekurang-kurangnya pada jarak 1 meter (3 kaki) daripada Bar Bunyi anda, dan sepuluh sentimeter daripada dinding.

Untuk hasil yang terbaik, letakkan subwufer anda di lokasi seperti yang ditunjukkan di bawah.



3 Penyambungan

Bahagian ini membantu anda menyambungkan Bar Bunyi anda ke TV dan peranti yang lain, kemudian lakukan tetapan Untuk maklumat tentang penyambungan asas Bar Suara dan aksesori anda, lihat pada panduan permulaan pantas.

Nota

- Untuk pengenalpastian dan penarafan bekalan, lihat plat bercetak di bahagian belakang atau bawah produk.
- Sebelum anda melakukan atau mengubah sebarang sambungan, pastikan semua sambungan peranti telah diputuskan daripada alur keluar kuasa.

Dolby Atmos®

Dolby Atmos memberi anda pengalaman bunyi yang belum pernah anda alami dengan bunyi di atas kepala, dan segala kemewahan, kejelasan serta kehebatan bunyi Dolby.

Penggunaan Dolby Atmos®

Dolby Atmos® hanya boleh didapati dalam mod HDMI. Untuk maklumat lebih lanjut tentang penyambungan, sila rujuk pada "**Penyambungan HDMI**".

- 1 Untuk menggunakan Dolby Atmos® dalam mod HDMI 1 / HDMI 2 / HDMI ARC, TV anda mesti menyokong Dolby Atmos®.
- 2 Pastikan bahawa "No Encoding" dipilih untuk strim bit dalam output audio digital bagi peranti luaran yang disambungkan (contohnya pemain DVD Blu-ray, TV dsb.)
- 3 Semasa memasuki format Dolby Atmos / Dolby Digital / PCM, bar bunyi akan menunjukkan DOLBY ATMOS / DOLBY AUDIO / PCM AUDIO.

Nota


- Pengalaman Dolby Atmos sepenuhnya hanya didapati apabila Bar Bunyi disambungkan ke sumber dengan kabel HDMI 2.0.
- Bar bunyi akan masih berfungsi apabila disambungkan melalui kaedah yang lain (seperti kabel Optik Digital), tetapi ini tidak boleh menyokong semua ciri-ciri Dolby. Oleh sebab itu, kami mengesyorkan agar Bar bunyi disambungkan melalui HDMI, untuk memastikan sokongan Dolby yang sepenuhnya.

Sambung ke Soket HDMI (ARC)

Sesetengah TV HDR 4K memerlukan input HDMI atau tetapan gambar untuk tersedia bagi penerimaan kandungan HDR. Untuk butiran penyediaan lebih lanjut tentang paparan HDR, sila rujuk pada manual arahan TV anda.

Pilihan 1: ARC (Saluran Kembali Audio)

Bar Bunyi anda menyokong HDMI dengan Saluran Kembali Audio (ARC). Jika TV anda menyokong HDMI ARC, anda boleh mendengar audio TV menerusi Bar Bunyi anda dengan menggunakan kabel HDMI tunggal.




- 1 Dengan menggunakan kabel HDMI Berkelajuan Tinggi, sambungkan penyambung **HDMI OUT (ARC)-TO TV** pada Bar Bunyi anda ke penyambung **HDMI ARC** pada TV.
 - Penyambung **HDMI ARC** pada TV mungkin mempunyai label yang berbeza. Untuk butiran selanjutnya, rujuk pada manual pengguna TV.
- 2 Hidupkan TV anda, menghidupkan pengendalian HDMI-CEC. Untuk butiran lanjut, rujuk pada manual pengguna TV.

Nota

- TV anda mesti menyokong fungsi HDMI-CEC dan ARC. HDMI-CEC dan ARC mesti ditetapkan pada Hidup.
- Mod tetapan HDMI-CEC dan ARC mungkin berbeza mengikut TV. Untuk butiran lanjut tentang fungsi ARC, sila rujuk pada manual pemilik TV anda.
- Hanya kabel 1.4 HDMI yang serasi boleh menyokong fungsi ARC.


Pilihan 2: HDMI standard

Jika TV anda tidak menyokong HDMI ARC, sambungkan bar bunyi anda ke TV melalui sambungan HDMI yang standard.



- 1 Gunakan kabel HDMI (disertakan) untuk menyambungkan soket HDMI OUT bar bunyi ke soket HDMI IN pada TV.
- 2 Gunakan kabel HDMI (disertakan) untuk menyambungkan soket HDMI IN (1 atau 2) bar bunyi ke peranti luaran anda (contohnya konsol permainan, pemain DVD dan blu ray).



Sambung ke Soket Optik



- 1 Dengan menggunakan kabel optik, sambungkan penyambung **OPTICAL** pada Bar Bunyi anda ke penyambung **OPTICAL OUT** pada TV atau peranti yang lain.
 - Penyambung optik digital mungkin dilabelkan sebagai **SPDIF** atau **SPDIF OUT**.

Sambung ke Soket AUX

- Gunakan kabel audio 3,5 mm hingga 3,5 mm (disertakan) untuk menyambungkan soket fon kepala TV ke soket AUX pada unit tersebut.



- Gunakan kabel audio RCA hingga 3,5 mm (tidak disertakan) untuk menyambungkan soket output audio TV ke soket AUX pada unit tersebut.

Sambung ke Kuasa

- Sebelum menyambungkan kord kuasa AC, pastikan bahawa anda telah melengkapkan semua sambungan yang lain.
- **Risiko kerosakan produk!** Pastikan bahawa voltan bekalan kuasa adalah mengikut voltan yang dicetak di bahagian belakang atau di sebelah bawah unit.

- Sambungkan kabel utama ke Soket~ AC pada unit tersebut, dan kemudian ke dalam soket sesalur utama
- Sambungkan kabel sesalur utama ke Soket~ AC subwufer tersebut dan kemudian ke dalam soket sesalur utama.
- Bilangan kord kuasa dan jenis palam berbeza mengikut wilayah.


Gandingan dengan subwufer

Penggandingan Automatik

Masukkan palam Bar Bunyi dan subwufer ke soket sesalur utama, kemudian tekan pada unit atau alat kawalan jauh untuk menukarkan mod unit kepada mod HIDUP.

Subwufer dan Bar Bunyi akan digandingkan secara automatik.

- Apabila subwufer sedang digandingkan dengan Bar Bunyi, penunjuk **PAIR** pada subwufer akan berkelip dengan laju.
- Apabila subwufer telah digandingkan dengan Bar Bunyi, penunjuk PAIR pada subwufer akan menyala dan tidak berkelip.
- Jangan tekan pada Pair di bahagian belakang subwufer, kecuali untuk penggandingan secara manual.



Penggandingan Manual

Jika tiada kedengaran audio daripada subwufer wayarles, gandingkan subwufer secara manual.

- 1 Cabut palam kedua-dua unit dari soket sesalur utama sekali lagi, kemudian masukkan palam semula selepas 3 minit.
- 2 Tekan dan tahan butang **PAIR** di bahagian belakang subwufer selama beberapa saat.
↳ Penunjuk Pair pada subwufer akan berkelip-kelip dengan cepat.
- 3 Kemudian tekan  pada alat kawalan jauh untuk MENGHIDUPKAN unit.
↳ Penunjuk **Pair** pada subwufer akan berhenti berkelip apabila berjaya.
- 4 Jika penunjuk Pair masih berkelip-kelip, ulangi langkah 1-3.

Panduan

- Subwufer hendaklah berada dalam lingkungan jarak 6 m dengan Bar bunyi di dalam ruang yang terbuka (lebih dekat lebih bagus).
- Alihkan sebarang objek yang berada di antara subwufer dengan Bar Bunyi.
- Jika sambungan subwufer gagal lagi, periksa jika terdapat konflik atau interferens yang kuat (contohnya interferens daripada peranti elektronik) di sekitar lokasi. Alihkan konflik atau interferens ini dan ulangi tatacara di atas.
- Jika unit utama tidak bersambung dengan subwufer dan ia berada pada mod HIDUP, arahan "PERIKSA SUBWUFER" akan muncul pada paparan dan penunjuk Pair pada subwufer akan berkelip-kelip dengan perlahan.

4 Menggunakan Bar Bunyi anda

Bahagian ini membantu anda menggunakan Bar Bunyi untuk memainkan audio daripada peranti yang disambungkan.

Sebelum bermula

- Lakukan penyambungan yang perlu seperti yang dinyatakan dalam panduan permulaan pantas dan manual pengguna.
- Tukarkan Bar Bunyi ke sumber yang betul untuk peranti lain.

HIDUPKAN dan MATIKAN

- Semasa mula-mula anda menyambungkan unit ke soket sesalur utama, unit akan berada pada mod TUNGGU SEDIA. Penunjuk TUNGGU SEDIA akan menyala berwarna merah.
- Tekan butang  pada alat kawalan jauh untuk MENGHIDUPKAN atau MEMATIKAN unit utama.
- Pisahkan palam utama daripada soket sesalur utama jika anda mahu mematikan unit sepenuhnya.
- Jika TV atau peranti luaran (Hanya untuk soket AUX) disambungkan, unit akan dihidupkan secara automatik apabila TV atau peranti luaran dihidupkan.

Tunggu Sedia Auto

Unit akan bertukar secara automatik kepada mod Tunggu Sedia selepas lebih kurang 15 minit jika TV atau unit luaran dipisahkan atau dimatikan.

- Untuk mematikan unit sepenuhnya, cabut palam sesalur utama daripada soket sesalur utama.
- Sila matikan unit sepenuhnya untuk menjimatkan tenaga apabila tidak digunakan.

Memilih Mod

- 1 Tekan butang  pada unit berulang kali atau tekan butang **Source** pada alat kawalan jauh untuk memilih mod **Aux**, **Optical**, **HDMI ARC**, **HDMI 1**, **HDMI 2**, **BT**, **USB**.
↳ Mod yang dipilih akan ditunjukkan pada paparan.

Melaraskan Kelantangan

- 1 Tekan **Vol+/Vol-** (**Kelantangan**) untuk meningkatkan atau mengurangkan aras kelantangan.
 - Untuk meredam bunyi, tekan **Mute**.
 - Untuk nyahredam, tekan **Mute** semula atau tekan pada **Vol+/Vol-** (**Kelantangan**).

Memilih Kesan Penyama (EQ)

Pilih mod bunyi yang dipratentukan untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.

- 1 Tekan butang **EQ** pada alat kawalan jauh untuk memilih kesan penyama praset yang anda ingini: **Filem/Muzik/Berita**:
 - **Filem** - untuk menonton filem
 - **Muzik** - untuk mendengar muzik
 - **Berita** - untuk mendengar berita

Laraskan Aras Bes/Trebel

Laraskan Aras Bes

- 1 Tekan butang **Bass** pada alat kawalan jauh untuk mengaktifkan tetapan aras bes.
↳ Paparan akan memaparkan **BASS**.
- 2 Tekan butang **Vol+/Vol-** berulang kali untuk melaraskan aras bes.
↳ bes + 5 / bes - 5

Laraskan Aras Trebel

- 1 Tekan butang **Treble** pada alat kawalan jauh untuk mengaktifkan tetapan aras trebel.
↳ Paparan akan memaparkan **TREB**.
- 2 Tekan butang **Vol+/Vol-** berulang kali untuk melaraskan aras trebel.
↳ trebel + 5 / trebel - 5

Laraskan Bunyi Pusat

- 1 Tekan dan tahan butang **Treble** pada alat kawalan jauh untuk mengaktifkan tetapan aras bunyi pusat.
↳ Kini paparan akan memaparkan **CEN**.
- 2 Tekan butang **Vol+/Vol-** berulang kali untuk melaraskan aras bunyi pusat.
- 3 Selepas lebih kurang 5 saat, unit tersebut akan keluar daripada tetapan bes/Pusat/trebel.
↳ Kini paparan akan memaparkan mod semasa yang dipilih.
↳ Kini anda boleh menekan butang **Vol+/Vol-** untuk melaraskan kelantangan.

Mod bunyi Dolby

Alami pengalaman audio yang imersif dengan mod bunyi Dolby.

- 1 Tekan butang  pada alat kawalan jauh untuk menghidupkan atau menutup mod Dolby.
 - **Hidup:** Mencipta pengalaman mendengar Dolby.
 - **Tutup:** Bunyi stereo dua saluran. Paling sesuai untuk untuk mendengar muzik.

Dalam keadaan yang tidak menyokong HDMI1, HDMI2, ARC, tekan butang  ini, paparan pada unit tersebut akan menatal untuk memaparkan "NOT SUPPORTED IN THIS SOURCE".

Tetapkan kecerahan paparan

Anda boleh menekan **Dimmer** berulang kali untuk memilih aras kecerahan yang berbeza bagi panel paparan pada produk ini.

Pengendalian Bluetooth

Menerusi Bluetooth, sambungkan Bar Bunyi dengan peranti Bluetooth anda (seperti iPad, iPhone, iPod sentuh, telefon Android, atau komputer riba), dan kemudian anda boleh mendengar fail audio yang disimpan dalam peranti anda, menerusi pembesar suara Bar Bunyi.

Perkara yang anda perlukan

- Peranti Bluetooth yang menyokong profil Bluetooth A2DP, AVRCP dan dengan Bluetooth versi 4.2 + EDR.
- Julat pengendalian maksimum di antara Bar Bunyi dengan peranti Bluetooth adalah lebih kurang 10 meter (30 kaki)

- 1 Tekan butang  pada unit berulang kali atau tekan butang **Source** pada alat kawalan jauh untuk menukarkan Bar Bunyi kepada mod Bluetooth.
↳ **NO BT** dipaparkan pada panel paparan.
- 2 Pada peranti Bluetooth, hidupkan Bluetooth, cari dan pilih **PHILIPS TAPB603** untuk memulakan sambungan (rujuk manual pengguna tentang peranti Bluetooth dan cara mendayakan Bluetooth).
- 3 Tunggu sehingga anda terdengar suara dilontarkan daripada Bar Suara.
↳ Jika berjaya disambungkan, **BT** dipaparkan pada panel paparan.
- 4 Pilih dan mainkan fail audio atau muzik pada peranti Bluetooth anda.
 - Semasa dimainkan, jika terdapat panggilan masuk, muzik akan dihentikan untuk sementara. Muzik dimainkan kembali selepas panggilan tamat.
 - Jika peranti Bluetooth anda menyokong profil AVRCP, anda boleh menekan **⏮ / ⏭** pada alat kawalan jauh untuk melangkau trek, atau tekan **⏸/Pair** untuk henti sementara/ sambung kembali memainkan.
- 5 Untuk keluar daripada Bluetooth, pilih sumber yang lain.

- Apabila anda bertukar kembali kepada mod Bluetooth, penyambungan Bluetooth kekal aktif.

Nota

- Penstriman muzik mungkin terganggu oleh halangan di antara peranti dengan Bar Bunyi; seperti dinding, selongsong logam yang melitupi peranti, atau peranti lain yang berhampiran, yang beroperasi dalam frekuensi yang sama.
- Jika anda mahu menyambungkan Bar Bunyi anda dengan peranti Bluetooth yang lain, tekan dan tahan **▶II/PAIR** pada alat kawalan jauh untuk memutuskan sambungan peranti Bluetooth yang sedang tersambung.

Pengendalian AUX / OPTICAL / HDMI ARC

Pastikan bahawa unit disambungkan ke TV atau peranti audio.

- 1 Tekan butang  pada unit berulang kali atau tekan butang **Source** pada alat kawalan jauh untuk memilih mod **AUX**, **OPTICAL**, **HDMI ARC**, **HDMI 1**, **HDMI 2**.
- 2 Kendalikan peranti audio anda secara langsung untuk ciri main semula.
- 3 Tekan butang **VOL +/-** untuk melaraskan kelantangan mengikut aras yang diingini.

Panduan

- Semasa berada dalam mod OPTIC AU HDMI ARC, jika tiada output bunyi daripada unit dan penunjuk status berkelip, mungkin ada perlu mengaktifkan **PCM** atau output Isyarat **Digital Dolby** pada peranti sumber anda (contohnya TV, DVD or pemain Blu-ray).
- Unit tersebut mungkin tidak boleh menahkod semua format audio digital daripada sumber input. Dalam hal ini, unit tersebut akan meredam. Pastikan bahawa tetapan audio sumber input (contohnya TV, konsol permainan, pemain DVD dsb.) ditetapkan pada PCM atau Digital Dolby (Rujuk pada manual pengguna untuk peranti sumber input bagi butiran tetapan audio) dengan input HDMI 1 / HDMI 2 / HDMI ARC/ optical.
- Dalam mod HDMI, apabila memasuki format audio DOLBY ATMOS, paparan Bar Bunyi menunjukkan DOLBY ATMOS.
- Apabila memasuki format audio DOLBY DIGITAL, paparan Bar Bunyi menunjukkan DOLBY AUDIO.
- Apabila memasuki format PCM, paparan Bar Bunyi menunjukkan PCM AUDIO.
- Apabila memasuki format audio yang bukan PCM atau bukan DIGITAL DOLBY, jika tiada output bunyi daripada unit dan paparan menunjukkan NO SUPPORT.

Pengendalian USB

Nikmati audio pada peranti storan USB seperti pemain MP3 dan Ingatan kilat USB, dsb.

- 1 Masukkan peranti USB.
- 2 Tekan butang  pada unit berulang kali atau tekan butang **Source** pada alat kawalan jauh untuk memilih mod **USB**.
- 3 Semasa main semula:

Butang	Tindakan
	Mula, henti sementara atau sambung kembali memainkan.
	Melangkau ke trek yang sebelum atau seterusnya.

Panduan

- Unit boleh menyokong peranti USB dengan ingatan sehingga 32 GB.
- Unit ini boleh memainkan MP3 / WAV / WMA.
- Menyokong satu port USB: 5 V $\pm$, 500 mA.


5 Lekapan dinding

Nota

- Pelekapan dinding yang tidak betul boleh mengakibatkan kemalangan, kecederaan atau kerosakan. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Perkhidmatan Pengguna di negara anda.
- Sebelum melakukan lekapan dinding, pastikan dinding tersebut boleh menampung berat Bar Bunyi anda.
- Sebelum melekapkan ke dinding, anda tidak perlu mencabut empat kaki getah di bahagian bawah Bar Bunyi, jika dicabut, ia tidak boleh dipasangkan semula.

Panjang/ diameter skru

Bergantung pada jenis pelekap dinding Bar Bunyi anda, pastikan bahawa anda menggunakan skru dengan panjang dan diameter yang sesuai.



Lihat pada ilustrasi dalam panduan permulaan pantas tentang cara pelekap dinding Bar Bunyi.

- 1) Gerudi dua lubang pada dinding.
- 2) Tetapkan dowel dan skru ke dalam lubang tersebut.
- 3) Gantung Bar Bunyi di atas skru ikat tersebut.

6 Spesifikasi produk

Nota

- Spesifikasi adalah tertaklupada perubahan tanpa pemberitahuan.

Bluetooth / Wayarles

- Profil Bluetooth: A2DP, AVRCP
- Versi Bluetooth: 4.2 + EDR
- Frekuensi jalur/ Kuasa output: 2402 MHz ~ 2480 MHz / ≤ 2 dBm
- Julat frekuensi wayarles 5.8G: 5730 MHz - 5845 MHz
- Kuasa maksimum wayarles 5.8G: 6 dBm

Unit utama

- Bekalan Kuasa: 100-240 V~ 50/60 Hz
- Kuasa Output MAKSIMUM oleh pembesar suara: 25 W x 4 + 50 W x 2
- Penggunaan Kuasa: 25 W
- Penggunaan Tunggu Sedia: $< 0,5$ W
- USB: 5 V --- 500 mA
- Respons Frekuensi: 120 Hz - 20 KHz
- Sensitiviti input Audio (AUX): 500 mV
- Impedans Pembesar Suara: $8 \Omega \times 2 + 4 \Omega$
- Dimensi (Lebar x Tinggi x Kedalaman): 950 x 75 x 134 mm
- Berat: 3,2 kg
- Suhu pengendalian: 0°C - 45°C

Subwufer Kuasa:

- Bekalan 100-240 V~, 50-60 Hz
- Kuasa 120 W Output:
- Penggunaan Kuasa: 20 W
- Penggunaan kuasa tunggu sedia: $< 0,5$ W
- Respons Frekuensi: 40 Hz - 120 Hz
- Impedans: 3 Ω
- Dimensi (Lebar x Tinggi x Kedalaman): 150 x 412 x 310 mm
- Berat: 5,7 kg
- Suhu pengendalian: 0°C - 45°C

Alat Kawalan jauh

- Jarak/ 6 m/30° Sudut:
- Jenis CR2025 Bateri:

Disokong

- HDMI ARC
Dolby Digital, Dolby Digital plus, LPCM 2ch
- HDMI IN1/IN2
Dolby Digital, Dolby Digital plus, Dolby True HD, Dolby Atmos, LPCM 2ch,
- OPTICAL
Dolby Digital, Dolby Digital plus, LPCM 2ch
- BLUETOOTH
SBC
- USB
MP3, WAV, WMA

7 Penyelesaian Masalah



Amaran

- Spesifikasi adalah tertakluk pada perubahan tanpa pemberitahuan.

Untuk mengekalkan kesahan waranti, jangan sesekali membaiki produk dengan sendiri.

Jika anda mempunyai masalah menggunakan produk ini, periksa perkara berikut sebelum memohon untuk perkhidmatan servis.

Jika anda masih mempunyai masalah, dapatkan sokongan di www.philips.com/welcome.

Tiada kuasa

- Pastikan bahawa kord AC disambungkan dengan betul.
- Pastikan bahawa terdapat kuasa pada alur keluar AC.
- Tekan butang tunggu sedia pada alat kawalan jauh atau pada Bar Bunyi untuk menghidupkan Bar Bunyi.

Tiada bunyi

- Tingkatkan kelantangan. Tekan Volume Up pada alat kawalan jauh atau pada Bar Bunyi.
- Tekan MUTE pada alat kawalan jauh untuk memastikan bahawa Bar Bunyi tidak diredam.
- Tekan butang sumber untuk memilih sumber input yang berlainan.
- Jika tiada audio apabila menggunakan salah satu input Digital:
 - Cuba tetapkan output TV ke PCM atau
 - Sambungkan secara langsung ke Blu-ray/ sumber anda yang lain, sesetengah TV tidak melalui audio digital.
- TV anda mungkin ditetapkan pada pembolehubah output audio. Sahkan bahawa tetapan output audio ditetapkan pada TETAP atau STANDARD, bukan BOLEH UBAH. Rujuk manual pengguna TV anda untuk maklumat yang lebih terperinci.

- Jika menggunakan Bluetooth, pastikan bahawa kelantangan peranti sumber anda ditingkatkan dan peranti tidak diredam.

Alat kawalan jauh tidak berfungsi

- Sebelum anda menekan mana-mana butang main semula, pilih sumber yang betul terlebih dahulu.
- Kurangkan jarak di antara alat kawalan jauh dengan unit.
- Masukkan bateri dengan kutub (+/-) yang sejajar seperti yang ditunjukkan.
- Gantikan bateri.
- Halakan alat kawalan jauh secara langsung ke arah sensor di bahagian hadapan unit.

Saya tidak menjumpai nama Bluetooth unit ini pada peranti Bluetooth saya

- Pastikan bahawa fungsi Bluetooth diaktifkan pada peranti Bluetooth anda.
- Baiklah unit bersama dengan peranti Bluetooth anda.

Ini adalah fungsi kuasa dimatikan selama 15 minit, iaitu salah satu keperluan piawaian ERPII untuk penjimatan kuasa

- Apabila aras isyarat input luaran unit adalah terlalu rendah, unit akan dimatikan secara automatik dalam masa 15 minit. Sila tingkatkan aras kelantangan peranti luaran anda.

Subwufer adalah melahu atau penunjuk subwufer tidak menyala

- Sila cabutkan palam kord kuasa daripada soket sesalur utama, dan masukkan semula selepas 3 minit untuk menghantar semula subwufer.



Tanda dan logo perkataan Bluetooth® ialah tanda dagang didaftarkan yang dimiliki oleh Bluetooth SIG, Inc. Istilah HDMI, Antara Muka Multimedia Berdefinisi Tinggi HDMI, dan Logo HDMI ialah tanda dagang atau tanda dagang berdaftar bagi HDMI Licensing Administrator, Inc.

Dikilangkan di bawah lesen dari Dolby Laboratories. Simbol Dolby, Dolby Audio dan double-D ialah tanda dagang Dolby Laboratories.

Spesifikasi adalah tertakluk pada perubahan tanpa pemberitahuan.

Philips dan Philips Shield Emblem ialah tanda dagang bagi Koninklijke Philips N.V. dan digunakan di bawah lesen. Produk ini dikilangkan oleh dan dijual di bawah tanggungjawab MMD Hong Kong Holding Limited, atau salah satu gabungan syarikat berkenaan, dan MMD Hong Kong Holding Limited merupakan penjamin bagi hal berkaitan produk ini.

